Ibu Saya

Ibu saya ialah wanita yang ayu. Beliau berkulit hitam manis dan berbadan sederhana. Nama ibu saya ialah Teu Shong . Beliau berumur 45 tahun.

Ibu saya seorang suri rumah yang ringan tulang. Setiap hari, beliau bangun pada awal pagi. Beliau rajin membuat kerja rumah. Misalnya mengemas rumah, membasuh pakaian, memasak dan lain-lain lagi. Oleh itu, rumah kami sentiasa bersih dan kemas.

Selain itu, ibu saya juga pandai memasak. Setiap hari, beliau akan menyediakan pelbagai hidangan yang enak untuk kami sekeluarga. Kata ibu, kita perlu makan makanan yang seimbang agar badan sihat dan otak cerdas.

Ibu sangat mengambil berat tentang pelajaran saya. Beliau sering menemani saya membuat kerja sekolah dan menelaah pelajaran. Apabila saya menghadapi masalah dalam pelajaran, ibu akan mengajar saya sehingga saya benar-benar faham. Ibu sentiasa memberi dorongan kepada saya supaya tidak berputus asa.

Ibu amat menyayangi saya. Apabila saya jatuh sakit, ibu sentiasa berada di sisi saya. Beliau memujuk saya makan ubat dan menjaga saya dengan sabar.

Saya amat bersyukur kerana mempunyai seorang ibu yang mengasuh saya bagai menatang minyak yang penuh. Saya berdoa agar ibu saya panjang umur dan sihat selalu.